

PENEROKAAN KE ATAS AKTIVITI, MINAT DAN PENDAPAT WANITA-WANITA TRADISIONAL DAN MODEN

ISMAIL REJAB

Universiti Kebangsaan Malaysia

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan meneroka corak-hidup wanita-wanita menerusi gambaran aktiviti, minat dan pendapat mereka. Sekumpulan wanita dari Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia telah disampel untuk tujuan ini. Hasil-hasil kajian yang terbatas penyeluruhannya, telah menggambarkan bahawa wanita-wanita tersebut berbeza dari segi aktiviti, minat dan pendapat mereka mengikut kumpulan yang dikelaskan secara statistik; sama ada wanita-wanita itu tradisional ataupun moden.

SYNOPSIS

This study attempts to explore women life-style through their perception of activities, interests and opinions. A group of women from the campus of Universiti Kebangsaan Malaysia were selected for this purpose. The findings, somewhat limited in generalizations, indicate that those women do differ in their activities, interests and opinions according to classified groups; traditional or modern.

Pengenalan Terhadap Masalah

Serentak dengan Pergerakan Pembebasan Wanita dalam zaman yang serba moden ini, sikap, perasaan, citarasa, kesedaran, dan harapan wanita telah mengalami perubahan yang pesat. Wanita-wanita hari ini pada zahirnya telah menjalankan fungsi-fungsi yang lebih mencerminkan kepercayaan terhadap diri mere-

ka sendiri. Dengan hati yang tabah disertai dengan perakuan yang menggalakkan dari masyarakat, wanita-wanita telah melangkah keluar dari persekitaran mereka untuk bersama kaum lelaki memasuki arena pekerjaan.

Masyarakat kini dapat menerima hakikatnya bahawa golongan wanita bukan lagi merupakan sekumpulan manusia yang lemah dan yang hanya layak dianggap sebagai hiasan dapur sahaja. Masyarakat juga menganggap bahawa wanita-wanita sudah membebaskan diri mereka dari sentiasa bergantung kepada lelaki, meskipun bagi golongan yang sudah berumahtangga. Anggapan ini sudah menjadi kenyataan terutamanya di kalangan keluarga-keluarga di mana siisteri juga mempunyai pekerjaan dan menyumbangkan terhadap perbelanjaan rumahtangga. Hasil dari perkembangan ini, keputusan-keputusan berhubung dengan rumahtangga tidak lagi menjadi keistimewaan suami sahaja tetapi lebih merupakan tanggungjawab yang sering dipikul bersama.

Agak jelas hari ini bahawa corak hidup wanita telah mengalami perubahan yang ketara, di mana sebahagian besar dari aspek-aspek corak hidup itu telah menggambarkan satu aliran yang agak berbeza dari norma-norma tradisional. Walaupun remaja-remaja wanita akan berperanan sebagai isteri atau ibu apabila sudah berumahtangga, mereka tidak semestinya melaksanakan peranan-peranan itu secara tradisional yang memerlukan mereka supaya hanya

mematuhi suami sepenuhnya, dan melakukan tugas-tugas yang pada keseluruhannya berorientasikan rumahtangga. Mungkin terdapat ramai wanita hari ini yang telah menerima konsep kesaksamaan dari segi peranan dan tugas antara suami dan isteri.

Tetapi, apakah sebenarnya pendapat wanita-wanita sendiri mengenai perkara ini? Apakah sebenarnya pendapat mereka mengenai perubahan peranan-peranan yang mencerminkan keseluruhan corak hidup berumahtangga? Lebih terperinci persoalannya ialah sama ada wanita-wanita zaman ini merasai bahawa segala aktiviti, minat dan pendapat mereka benar-benar mewakili aspek-aspek corak hidup moden. Ini adalah kerana kebalikannya adalah juga satu kemungkinan, bahawa wanita-wanita pada akhirnya mengalami corak hidup moden, tetapi pada asasnya mereka adalah wanita dalam pengertian yang sebenarnya.

Kajian ini menyentuh aspek-aspek corak hidup wanita hasil dari satu penyelidikan awal untuk menguji alat-alat pengukuran yang akan digunakan untuk penyelidikan lanjutan. Aspek-aspek corak hidup merangkumi aktiviti, minat, dan pendapat wanita-wanita yang telah disampelkan dari populasi wanita Kampus Induk Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuan utama kajian ialah untuk membandingkan aspek-aspek corak hidup yang diukur dari aktiviti, minat dan pendapat itu, mengikut golongan-golongan wanita tradisional dan moden.

ISUE-ISUE LATAR

Douglas dan Urban¹ merujuk perbincangan Lazer menegaskan bahawa corak hidup dapat didefinisikan sebagai:

Those unique ingredients or qualities which describe the style of life of some culture or group, and distinguish it from others. It embodies the patterns that develop and emerge from the dynamics of living in society²

Sehubungan dengan definisi di atas, corak hidup wanita sering merangkumi pola-pola kehidupan wanita yang menggambarkan aktiviti-aktiviti mereka di dalam dan di luar rumah

dan minat mereka terhadap perkara-perkara tertentu yang bersabit dengan tugas atau peranan sebagai seorang wanita atau suri rumah-tangga. Tidak kurang pentingnya corak hidup wanita juga menggambarkan rangkaian pendapat-pendapat yang berbentuk normatif, dan yang mempunyai hubungan dengan persekitaran mereka.

Kajian-kajian berhubung dengan corak hidup wanita yang pernah dijalankan di beberapa negara Barat sering berlandaskan tiga aspek utama yang dimaksudkan iaitu, aktiviti, minat, dan pendapat.³ Berasaskan aspek-aspek ini, Reynolds, Crasks, dan Wells⁴ telah membandingkan corak-hidup di antara golongan-golongan wanita moden dan tradisional di Amerika. Berbanding dengan wanita-wanita tradisional, golongan moden lebih bersikap liberal terhadap hidup, dan lebih mempunyai minat yang bercorak kebandaran. Golongan moden ini juga didapati lebih optimistik terhadap kewangan, tetapi berhati-hati mengenai perbelanjaan. Minat mereka terhadap rupa paras adalah lebih tinggi berbanding dengan golongan tradisional, di mana minat ini telah mendorong mereka untuk berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti fizikal, seperti sukan dan lipurdiri. Meskipun demikian, kalau dibandingkan dengan golongan tradisional, wanita-wanita yang serba moden ini bukanlah pula dari golongan yang terlalu jauh menyimpang dari lunas-lunas hidup wanita yang asas.

¹Susan P. Douglas dan Christine D. Urban, "Life-Style Analysis to Profile Women in International Markets," *Journal of Marketing*, Jil. 41, Bil. 3 (Julai 1977), hal. 45-54.

²William Lazer, "Life-Style Concept and Marketing," dalam Stephen A. Greyser, penyunting, *Towards Scientific Marketing* (Chicago: American Marketing Association, 1963), hal. 103.

³William D. Wells dan Douglas J. Tigert "Activities, Interests, Opinion" *Journal of Advertising Research*, Jil. 2 (Ogos 1971) hal. 23-35.

⁴Fred D. Reynolds, Melvin R. Crask dan William D. Wells, "The Modern Feminine Life-Style" *Journal of Marketing*, Jil. 41, Bil. 3, (July 1977), hal. 38-45.

Sealiran dengan kajian di atas, Douglas dan Urban⁵ telah juga membanding golongan-golongan wanita tradisional dan moden di tiga buah negara iaitu Amerika, United Kingdom, dan Perancis. Asas-asas corak hidup wanita-wanita di ketiga-tiga negara tersebut telah juga didapati berpusat di sekitar peranan mereka sebagai suri rumahtangga. Perbezaan dari segi sikap dan aktiviti di kalangan wanita-wanita tersebut adalah nyata, tetapi masih mempunyai talian dengan bentuk-bentuk sikap yang tradisional. Maka dari itu, peranan asal seseorang wanita masih merupakan teraju utama kehidupannya, sama ada ia menganggap dirinya moden atau pun tradisional. Malah wanita-wanita yang bekerja dan mempunyai sikap yang liberal, lebih gemar melibatkan diri mereka dengan kerja-kerja rumah seperti memasak dan membeli-belah untuk keperluan dapur. Ringkasnya, walaupun wanita-wanita moden ini berpendapat bahawa wanita seharusnya mempunyai status yang sama dengan lelaki, dan tidak menganggap bahawa peranan wanita seharusnya tertumpu kepada rumahtangga sahaja, aktiviti, minat, dan pendapat mereka tidak amat jauh menyimpang dari aspek-aspek corak hidup wanita yang selama ini digelar tradisional.

Nyata sekali bahawa dua arah penyelidikan dapat dikesan menerusi perbincangan mengenai kajian-kajian yang berhubungan dengan corak hidup wanita. Pertama, aktiviti, minat dan pendapat wanita perlu digunakan sebagai asas-asas pengukuran corak-hidup. Kedua, aspek-aspek tersebut perlu pula diperbandingkan coraknya mengikut kumpulan-kumpulan wanita; tradisional dan moden. Sehubungan dengan arah itu, kajian ini dibentuk untuk meneroka aspek-aspek corak hidup wanita-wanita Kampus Induk Universiti Kebangsaan Malaysia.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Seperti yang telah dinyatakan, kajian ini merupakan penyelidikan awal bagi tujuan menguji alat pengukuran berhubungan dengan corak hidup wanita. Soalan-soalan telah dibentuk supaya selaras dengan pola-pola hidup dan kebudayaan masyarakat Malaysia.

Data

Seramai 80 orang wanita telah disampelkan secara rambang dari kakitangan dan mahasiswa wanita di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengutipan data yang telah mengambil masa selama lebih kurang dua minggu, dijalankan secara temuduga oleh seorang pembantu penyelidik wanita. Temuduga dijalankan waktu pejabat bagi memperoleh maklumat dari kakitangan Universiti dan di luar waktu kuliah bagi mahasiswa-mahasiswa. Penganalisaan data berdasarkan jawapan-jawapan pada soal-selidik dari kesemua 80 orang wanita yang telah disampelkan.

Alat-alat Pengukuran

Soal-selidik yang digunakan terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan berhubung dengan latar diri responden seperti umur, taraf perkahwinan, pekerjaan, lingkungan pendapatan, keturunan, dan sebagainya. Soalan-soalan ini digunakan sebagai asas membentuk "profile" wanita yang telah disampel.

Bahagian kedua mengandungi satu soalan yang diubahsuaikan dari kajian Reynolds, Crasks, dan Wells.⁶ Soalan ini merupakan satu pernyataan corak hidup berumahtangga tradisional yang dijadikan asas pengkelasan responden-responden ke dalam golongan-golongan tertentu. Responden-responden dikehendaki menyatakan tingkat persetujuan mereka mengikut ukuran Likert yang bernilai dari 1 (Langsung Tidak Sesuai dengan Diri Saya) hingga 5 (Paling Sesuai dengan Diri Saya) ke atas pernyataan yang berbunyi:

Corak hidup berumahtangga di mana suami adalah ketua keluarga yang bertanggungjawab menyara hidup keluarga dan menentukan sebarang keputusan penting dalam rumahtangga, manakala si isteri bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan rumahtangga serta anak-anak.

⁵Douglas dan Urban, 1977, op. cit.

⁶Reynolds, Crasks, dan Wells, 1977, op. cit.

Bahagian yang akhir mengandungi 42 soalan yang berhubung dengan aktiviti, minat dan pendapat wanita di sekitar hidup dalam suasana dan kebudayaan di Malaysia. Responden-responden dikehendaki menyatakan tingkat persetujuan mereka ke atas tiap-tiap soalan, berdasarkan ukuran Likert yang bernilai dari 1 (Langsung Tidak Setuju) hingga 5 (Paling Setuju).

Soalan-soalan tersebut terdiri dari 4 soalan berhubung dengan aktiviti-aktiviti wanita, 14 soalan mengenai minat mereka, dan 24 soalan mengenai pendapat-pendapat mereka. Empat soalan yang berhubung dengan aktiviti menyentuh kegiatan-kegiatan wanita di dalam dan di luar rumah seperti menghias dan mengemas rumah, mendengar ceramah agama dan kegiatan mengunjungi saudara dan kawan. Soalan-soalan minat pula dibentuk bagi menentukan kegemaran atau kecenderungan terhadap diri sendiri seperti mencantikkan badan, berehat, membaca, dan juga kecenderungan terhadap politik dan aspek-aspek intelek. Akhir sekali adalah 24 soalan yang mencungkil pendapat-pendapat wanita mengenai issue-isue tertentu seperti disiplin di kalangan anak-anak, fesyen, khalwat, dan lain-lain. Pada keseluruhannya, soalan-soalan yang akhir ini merupakan soalan-soalan yang berbentuk normatif, atau mempunyai unsur-unsur moral.

PERBINCANGAN HASIL-HASIL KAJIAN

Latar diri

Jadual 1 memuatkan data-data berhubung dengan latar diri wanita-wanita yang telah ditemuduga. Wanita-wanita ini berumur di antara 19 hingga 35 tahun di mana sebilangan besar dari mereka (91 2%) terdiri dari wanita-wanita dalam lingkungan umur 20 hingga 34 tahun. Seramai 42 wanita atau 52.5% dari kumpulan ini telah berkahwin, manakala yang masih bujang ialah 38 orang atau 47.5%. Bagi golongan yang sudah berkahwin pula lebih separuh dari mereka (52.4%) sudah mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak.

Sebilangan besar dari wanita-wanita yang disampel terdiri dari kakitangan Universiti

(77.5%). Hanya 18 orang atau 22.5% sahaja terdiri dari mahasiswa-mahasiswa. Pada keseluruhannya wanita-wanita yang disampel adalah kakitangan-kakitangan atau mahasiswa-mahasiswa berketurunan Melayu. Gambaran ini nyata seperti pada jangkaan oleh kerana sebahagian besar dari keseluruhan populasi Universiti Kebangsaan adalah dari golongan Melayu.

Data-data berhubung dengan tempat lahir wanita memberikan gambaran yang menarik. Terdapat lebih separuh (55.7%) dari wanita-wanita ini telah dilahirkan di kampung, berbanding dengan sebilangan kecil dari mereka (8.9%) yang dilahirkan di bandar besar. Keadaan ini agak selaras dengan bentuk taburan penduduk-penduduk Malaysia pada umumnya, di mana orang-orang Melayu lebih tertumpu di daerah luar bandar atau kampung, berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Data-data ini juga memberikan gambaran kasar mengenai arah dan bentuk aktiviti, minat, dan pendapat wanita-wanita terutamanya yang nanti akan tergolong dalam kumpulan moden.

Pengkelasan Wanita

Taburan jawapan-jawapan kepada soalan atau pernyataan corak hidup tradisional adalah seperti pada Jadual 2. Varians sampel ialah 1.152. Kalau dibandingkan dengan nilai jawapan yang jaraknya antara 1 dan 5, dan puratanya yang bernilai sekadar 2.987, maka dapat dikatakan bahawa varians sampel telah mencerminkan taburan yang mempunyai unsur-unsur normal.

Dari taburan wanita-wanita seperti pada Jadual 2 di atas, wanita-wanita yang merasakan bahawa pernyataan corak hidup tradisional itu "Tidak Sesuai Langsung" atau "Tidak Sesuai" dengan diri mereka, dicantumkan ke dalam satu kumpulan yang dikelaskan sebagai golongan moden. Wanita-wanita yang berpendapat bahawa corak hidup itu "Mungkin Sesuai" dengan diri mereka dianggap sebagai mewakili golongan yang sederhana. Golongan tradisional pula terdiri dari wanita-wanita yang berpendapat bahawa corak hidup yang digambarkan itu "Sesuai" atau "Paling Sesuai" dengan diri mereka. Percantuman kelas ini memberikan taburan wanita mengikut kumpulan-kumpulan seperti pada Jadual 2.

Jadual 1

Latar Diri Wanita Yang Disampel

Aspek-aspek	Bilangan	%
a. Taraf perkahwinan		
Bujang	38	47.5
Berkahwin	42	52.5
b. Bilangan anak		
1 orang	22	52.4
2 orang	16	38.1
Lebih dari 5 orang	4	9.5
Bujang	38	—
c. Pekerjaan		
Bekerja (kakitangan)	62	77.5
Tak bekerja (mahasiswa)	18	22.5
d. Umur		
Hingga 19 tahun	4	5.0
20 hingga 24 tahun	34	41.2
25 hingga 29 tahun	30	37.5
30 hingga 34 tahun	10	12.5
35 tahun ke atas	3	3.7
e. Keturunan		
Melayu	77	96.2
China	2	2.5
Lain-lain	1	1.0
f. Tempat lahir		
Bandar Besar	7	8.9
Bandar	16	20.3
Pekan	12	15.2
Kampung	44	55.7
Tidak Menjawab	1	—

Nota: Angka-angka peratus mungkin tidak berjumlah 100 oleh sebab ralat pembulatan angka.

Jadual 2

Taburan Wanita-Wanita Mengikut Kelas-Kelas Jawapan

Kelas-kelas Jawapan	Bilangan	%
Tidak Sesuai Langsung	6	7.5
Tidak Sesuai	21	26.2
Mungkin Sesuai	25	31.2
Sesuai	21	26.2
Paling Tidak Sesuai	7	8.8

Jadual 3

Taburan Wanita-wanita Mengikut Kumpulan-kumpulan Corak Hidup

Kumpulan-kumpulan	Bilangan	%
Moden	27	33.7
Sederhana	25	31.3
Tradisional	28	35.0
Jumlah	80	100

Pengkelasan ini digunakan seterusnya untuk membandingkan pendapat-pendapat wanita mengenai aspek-aspek corak hidup berumah tangga. Analisa perbandingan pendapat-pendapat ini ditumpukan kepada dua golongan sahaja iaitu golongan-golongan wanita moden dan tradisional.

Tradisional dan Moden : Aktiviti, Minat dan Pendapat

Perbezaan purata-purata mengenai aktiviti, mengikut golongan-golongan tradisional dan moden ditunjukkan dalam Jadual 4. Analisa varians sehala digunakan untuk menguji samada ataupun tidak purata-purata kumpulan telah mencapai paras keertian sekadar 0.05. Walaupun pada keseluruhannya sebilangan besar purata-purata tersebut tidak mencapai paras keertian seperti yang ditetapkan, perbincangan di bahagian ini akan juga menyentuh saiz dan arah hala purata-purata itu. Langkah ini dijalankan bagi tujuan memahami implikasi-implikasi dari saiz dan arah hala purata-purata itu supaya dapat dijadikan asas penyelidikan selanjutnya.

Aktiviti

Tugas-tugas menghias dan mengemas rumah (Item-item 1 dan 2) ternyata menggambarkan perbezaan dalam aktiviti-aktiviti wanita. Purata-purata untuk kedua-dua aktiviti ini bagi kumpulan-kumpulan tradisional dan moden telah berbeza atas paras keertian melebihi kurang dari 0.05. Saiz purata juga menggambarkan bahawa wanita-wanita moden lebih pasti suka menggunakan masa lapang mereka untuk menghias dan mengemas rumah, berbanding dengan go-

longan tradisional. Penemuan ini agak bertentangan dengan anggapan umum. Sewajarnya wanita-wanita golongan tradisional akan lebih mementingkan tugas-tugas ini kerana hidup mereka lebih berorientasikan rumahtangga dari aspek-aspek di luar rumah (Lihat Jadual 4).

Pada kebiasaannya wanita-wanita tradisional juga akan lebih kerap mengunjungi sanak saudara dari kawan-kawan mereka, kerana lingkungan sosial mereka agak terbatas pada keluarga sahaja. Tetapi kajian ini menunjukkan bahawa wanita-wanita moden lebih berkemungkinan berbuat demikian (item 26). Tidak dinafikan bahawa wanita tradisional juga sering kunjung mengunjung, tetapi wanita moden jelas mementingkan hubungan keluarga yang erat.

Akhir sekali, wanita-wanita tradisional dan moden tidak berbeza dari segi kenyataan "Saya akan pergi mendengar ceramah agama di mana sahaja jika saya dapat maklumat mengenainya" (item 6). Bagi wanita-wanita yang bekerja dan mahasiswa-mahasiswa juga tentu sekali tidak berkesempatan untuk pergi mendengar ceramah agama oleh kerana mungkin masing-masing sibuk dengan tugas-tugas pekerjaan dan pelajaran yang memerlukan masa yang banyak. Pernyataan ini akan mungkin berbeza jika sampel ini mengandungi suri-suri rumahtangga yang tidak mempunyai pekerjaan.

Minat

Sama ada wanita-wanita dalam kajian ini tergolong dalam kumpulan tradisional atau moden, mereka merasakan perlu mencantikan badan secara "exercise", dan sehubungan dengan itu gemar bersukan dan lipurdiri. Di samping itu, mereka tidak gemar bergiat dalam badan-badan politik, walaupun mereka merasakan perlu menyertai pertubuhan-pertubuhan wanita yang mungkin tidak mempunyai unsur-unsur politik (Lihat Jadual 5, item-item 9, 10, 11, dan 15). Kedua-dua kumpulan wanita ini juga mempunyai minat yang sama untuk menghadiri majlis-majlis yang berbentuk formal (item 8).

Pernyataan-pernyataan berhubung dengan

minat wanita terhadap hiasan diri dan fesyen memberikan gambaran yang menarik. Dalam nada yang sama, wanita-wanita moden dan tradisional menyatakan bahawa mereka berm minat terhadap fesyen yang sederhana, dan lebih suka jika pakaian itu dijahit sendiri. Tetapi, minat terhadap jenis pakaian di antara kedua-dua golongan ternyata mempunyai perbezaan yang bererti (item 18). Analisa perbezaan purata menunjukkan bahawa wanita-wanita moden lebih selesa memakai kain sarong dari memakai jean bila bersiar. Jelas sekali bahawa wanita-wanita Melayu walaupun mengalami corak hidup moden, pakaian tradisional tetap menjadi pilihan mereka. Sehubungan dengan itu fesyen rambut panjang memang menjadi kegemaran mereka apabila berhias (item 25), kerana fesyen ini mungkin secocok pula dengan bentuk pakaian yang tradisional.

Selain dari minat terhadap diri dan rumahtangga, wanita-wanita juga mempunyai minat terhadap kegiatan-kegiatan di luar rumah. Kedua-dua golongan wanita moden dan tradisional gemar memandu kereta dan melancung. Dari segi kegemaran melancung perbezaan purata bagi kedua-dua kumpulan telah mencapai paras yang bererti, tetapi perbezaan tersebut hanya pada kadarnya sahaja. Ini bermaksud, walaupun kedua-dua golongan mempunyai kemungkinan yang sama untuk melancung, secara perbandingan kemungkinan bagi wanita-wanita tradisional adalah lebih besar dari golongan moden.

Orientasi terhadap hiburan jelas digambarkan menerusi pernyataan mengenai minat terhadap filem dan lagu-lagu. Atas perbezaan yang bererti, wanita-wanita moden lebih gemar menonton filem-filem tempatan dari filem-filem Barat, kalau dibandingkan dengan wanita-wanita dari golongan tradisional (item 22). Meskipun demikian wanita-wanita dari kedua-dua golongan ini gemar pula mendengar lagu-lagu Barat (item 23). Pertentangan minat ini mungkin dapat dijelaskan dari segi penguasaan bahasanya. Untuk benar-benar dapat menikmati keindahan sesebuah filem Barat, penguasaan bahasanya harus kukuh supaya jalan ceritanya dapat difahami sepenuhnya. Tetapi keindahan

Jadual 4

**Analisa Varians Membandingkan Aktiviti-aktiviti
Wanita Antara Kumpulan-kumpulan Tradisional, Sederhana dan Moden**

ITEM	Pernyataan Aktiviti	Purata-purata Kumpulan (n= 80)			Nisbah F	Probabiliti F
		Moden	Sederhana	Tradisional		
1.	Suka menghias rumah masa lapang	3.887	3.800	3.357	3.842	0.03*
2.	Suka mengemas rumah masa lapang	4.259	4.160	3.607	6.035	0.004*
6.	Akan pergi mendengar ceramah agama	3.593	3.360	3.143	1.853	0.161
26.	Kerap mengunjungi saudara dari mengunjungi kawan	3.667	3.240	2.893	4.458	0.015*

* mencapai paras keertian sekadar 0.05.

irama sesebuah lagu akan mudah dinikmati tanpa memahami senikatanya. Justeru itu penguasaan bahasa tidak merupakan asas yang mesti bagi seseorang yang ingin menikmati sesebuah lagu Barat.

Minat intelek wanita diukur menerusi satu pernyataan berhubung dengan kegemaran menikmati sajak. Perbezaan purata-purata kumpulan telah mencapai paras keertian seperti yang ditetapkan. Dari Jadual 5 (item 27), ternyata sekali bahawa wanita-wanita moden lebih gemar menikmati sajak berbanding dengan wanita-wanita tradisional. Atas andaian bahawa ukuran ini telah benar-benar mewakili konsepnya, maka dapat dikatakan bahawa minat intelek di kalangan wanita-wanita tradisional agak lemah berbanding dengan golongan moden.

Pendapat

Hanya satu dari pernyataan-pernyataan pendapat telah mencapai keertian yang hampir dengan paras keertian yang ditetapkan. Pernyataan yang telah mencapai paras keertian sekadar 0.068 itu menyentuh aspek pemilihan teman hidup. Walaupun purata-purata berbeza

dengan bererti di antara kumpulan tradisional dan moden, perbezaan itu hanya pada kadarnya sahaja. Pada keseluruhannya wanita-wanita tidak bersetuju untuk menyerahkan tugas memilih teman hidup kepada orang tua (item 36)

Biarpun bagi golongan moden maupun golongan tradisional, anggapan terhadap peranan suami sudah nyata mengalami perubahan. Kedua-dua golongan berpendapat bahawa suami seharusnya menolong kerja-kerja di dapur (item 3). Pendapat ini jelas menyimpang dari anggapan tradisional bahawa seseorang suami tidak diharapkan membantu isteri di dapur, kerana sifatnya sebagai ketua rumahtangga tidak mewajarkannya untuk berbuat demikian.

Wanita-wanita dalam kajian ini juga tidak menafikan hakikatnya bahawa tidak semua tugas dapat dipikul oleh kaum wanita (item 32). Justeru kerana itu, usaha-usaha untuk meringankan kerja-kerja di dapur sangat diterima baik. Umpamanya, mereka tidak ragu-ragu menyatakan bahawa mesin pembasuh adalah perlu untuk memudahkan kerja (item 4). Tetapi bagi tugas-tugas rumahtangga yang merupakan hak asal seseorang isteri, keistimewaan itu tidak

Jadual 5

Analisa Varians Membandingkan Minat Antara Kumpulan-Kumpulan Wanita-Moden, Sederhana dan Tradisional

ITEM	Pernyataan Minat	Purata-purata Kumpulan (n=80)			Nisbah F	Probabiliti F
		Moden	Sederhana	Tradisional		
8.	Tidak suka menghadiri majlis formal	2.815	2.760	2.643	0.251	0.781
9.	Tidak perlu mencantikkan badan secara exercise	2.667	2.520	2.607	0.145	0.863
10.	Tidak suka bergiat dalam badan-badan politik	3.296	3.440	3.607	0.707	0.501
11.	Tidak perlu menyertai pertubuhan wanita	2.556	2.200	2.321	1.123	0.331
14.	Lebih selesa memakai pakaian yang dijahit sendiri	3.593	3.400	3.107	1.599	0.207
15.	Tidak suka bersukan dan lipurdiri	2.778	2.720	2.250	1.902	0.154
16.	Suka fesyen yang sederhana	4.074	4.320	4.071	1.089	0.343
18.	Lebih selesa memakai kain sarong dari memakai jean bila bersiar	3.852	3.000	2.964	4.571	0.013*
19.	Tidak gemar memandu kereta	2.111	2.320	2.393	0.692	0.508
20.	Tidak gemar melancang	2.704	2.280	2.036	3.101	0.049*
22.	Suka menonton filem tempatan dari filem Barat	3.593	2.800	2.607	6.249	0.003*
23.	Tidak gemar mendengar lagu-lagu Barat	2.889	2.480	2.357	2.212	0.114
25.	Lebih suka rambut panjang supaya kelihatan cantik	3.185	2.680	2.750	1.691	0.189
27.	Suka menikmati sajak	3.185	2.960	2.500	3.492	0.035*

*mencapai paras keertian sekadar 0.05

pula mudah dipindahkan kepada orang lain. Maka dari itu, tidak semua wanita senang jika pembantu rumah menyediakan makanan untuk keluarga mereka (item 5).

Seterusnya wanita-wanita juga bersependapat bahawa mereka perlu berehat di hujung minggu (item 7), mungkin juga setelah penat menjalankan kerja-kerja rumah. Di samping itu, tugas membeli-belah lebih dianggap sebagai aktiviti sosial, kerana wanita-wanita merasakan perlu ditemani waktu menjalankan aktiviti itu (item 12). Penemuan ini adalah selaras dengan pendapat setengah ahli-ahli akademik pemasaran bahawa kegiatan membeli-belah bukan hanya dipandang oleh pengguna dari sudut ekonomi sahaja, bahkan juga dianggap sebagai satu kesempatan untuk bersosial.⁷

Wanita-wanita dapat dikatakan juga tidak akan mengecilkan kepentingan rupa paras. Mereka didapati agak cenderung untuk membeli losyen muka yang mahal (item 13). Berhubungan dengan itu, mereka juga berpendapat bahawa "diet" adalah satu keperluan penting (item 24), mungkin untuk menjaga bentuk badan supaya sentiasa kelihatan cantik. Sama ada wanita-wanita itu dari golongan moden atau tradisional, rupa paras adalah penting, tetapi mungkin hanya untuk tatapan orang-orang yang tertentu sahaja. Ini adalah kerana wanita-wanita ini tidak akan selesa kalau mereka menjadi perhatian dalam sesuatu majlis (item 17)

Dua ukuran pendapat terhadap isue-isue politik menunjukkan bentuk pendapat wanita yang agak bertentangan. Dari satu sudut, wanita-wanita berpendapat bahawa membaca majalah politik lebih menjemukan dari membaca majalah hiburan (item 21). Dari sudut yang lain pula, mereka mengakui bahawa bilangan ahli-ahli politik wanita perlu diperbanyakkan lagi. Bagi diri wanita-wanita itu sendiri, pengetahuan mengenai politik mungkin tidak perlu diperluaskan menerusi bacaan majalah-majalah politik. Tetapi mungkin untuk kepentingan kaum wanita umumnya, mereka bersetuju bahawa penglibatan wanita dalam arena politik harus dikekalkan atau dipertingkatkan lagi.

Penglibatan wanita dalam politik merupakan setapak lagi langkah ke arah perkembangan diri dan kemajuan wanita, khususnya wanita-wanita Melayu di Malaysia. Tetapi, wanita-wanita tidak mudah menyingkirkan sifat-sifat kewanitaan mereka oleh kerana perlunya menjaga maruah dan kedudukan kaumnya di sisi masyarakat. Umpamanya, wanita-wanita dalam kajian ini tidak sanggup menghilangkan sifat-sifat kewanitaan mereka, semata-mata kerana mahu dianggap sama dengan lelaki (item 29). Mereka juga bersetuju supaya hukuman yang berat perlu dijatuhkan ke atas pasangan yang berkhawat (item 30), dan merasakan bahawa wanita kini telah diperalatkan dalam pengiklanan (item 38). Rasa kurang senang di kalangan wanita-wanita ini juga nyata terhadap pencipta-pencipta fesyen yang dianggap semakin berani menciptakan fesyen-fesyen yang mendedah (item 34). Ringkasnya, wanita-wanita akan terus menentang unsur-unsur yang bakal mencemarkan taraf kewanitaan mereka meskipun bagi golongan yang boleh dianggap mengalami corak hidup moden.

Kesediaan wanita-wanita untuk mengekalkan sifat-sifat kewanitaan lebih ternyata kalau ditinjau pendapat-pendapat mereka terhadap isue-isue kekeluargaan. Wanita-wanita masih tidak setuju jika suami berkahwin lagi walaupun isteri tidak berupaya untuk melahirkan anak (item 37). Bagi golongan moden pula, mereka lebih merasakan bahawa bilangan anak yang ramai (melebihi empat orang) tidak akan menjejaskan kebahagiaan rumahtangga (item 35). Sehubungan dengan itu, kepentingan anak-anak jelas merupakan keutamaan bagi kaum wanita. Mereka bersependapat bahawa kanak-kanak hari ini ramai yang mengalami kemiskinan kasih sayang (item 39). Seterusnya, mereka tegas sekali menentang pendapat yang mengatakan bahawa Bahasa Inggeris tidak perlu diperluaskan kepada kanak-kanak sekolah (item 33). Penemuan ini bukan pula menunjukkan bahawa wanita-wanita tidak mementingkan Bahasa Ibunda, tetapi hanya sekadar mencerminkan sikap mereka yang liberal terhadap isue ini.

⁷Lihat, Edward M. Tauber, "Why do people shop?" *Journal of Marketing*, 36 (October 1972), 46-49.

Jadual 6

Analisa Varians Membandingkan Pendapat Antara Kumpulan-Kumpulan Moden, Sederhana dan Tradisional

ITEM	Pernyataan Pendapat	Purata-purata Kumpulan (n=80)			Nisbah F	Probabiliti F
		Moden	Sederhana	Tradisional		
3.	Suami tidak harus menolong kerja di dapur	1.815	2.040	1.821	0.755	0.477
4.	Tidak perlu mesin pembasuh bagi memudahkan kerja	2.629	2.880	2.393	1.897	0.155
5.	Tidak suka pembantu rumah menyediakan makanan untuk keluarga	3.518	3.520	3.266	0.403	0.675
7.	Berehat di hujung minggu tidak perlu	2.852	2.760	2.714	0.133	0.888
12.	Perlukan teman sewaktu membeli-belah	3.667	3.240	3.143	1.762	0.167
13.	Tidak akan membeli losyen muka yang mahal	3.111	2.880	3.286	0.769	0.471
17.	Tidak selesa kalau menjadi perhatian dalam majlis	4.037	4.080	3.786	0.857	0.431
21.	Membaca majalah politik lebih menjemukan dari membaca majalah hiburan	3.370	3.360	3.036	0.802	0.456
24.	Diet adalah tidak penting	3.148	2.840	2.607	1.476	0.234
28.	Lukisan yang menarik adalah lukisan yang tidak berbentuk abstrak	3.037	3.280	2.714	2.018	0.138
29.	Wanita sanggup menghilangkan sifat-sifat kewanitaan semata-mata kerana mahu dianggap sama dengan lelaki	2.518	2.000	2.107	1.301	0.278
30.	Hukuman yang lebih berat perlu dijatuhkan kepada pasangan yang berkhawat	4.259	4.200	3.893	0.910	0.409
31.	Bilangan ahli politik wanita tidak perlu diperbanyakkan lagi	2.667	2.480	2.536	0.191	0.826
32.	Tidak semua tugas dapat dipikul oleh kaum wanita	3.889	3.840	3.700	0.130	0.875
33.	Bahasa Inggeris tidak perlu diperluaskan lagi kepada kanak-kanak sekolah	1.889	1.880	1.857	0.008	0.981

Sambungan Jadual 6

34.	Pereka fesyen nampaknya semakin berani mencipta fesyen yang mendedahkan	3.296	3.280	3.214	0.024	0.964
35.	Bilangan anak melebihi empat orang tidak akan menjejaskan kebahagiaan rumahtangga	4.037	3.560	3.679	1.922	0.151
36.	Pemilihan teman hidup lebih baik diserahkan kepada orang tua menentukannya	2.889	2.520	2.857	2.762	0.068*
37.	Jika seorang wanita itu tidak berupaya untuk melahirkan anak, apakah dia setuju kalau suaminya berkahwin lagi	2.629	2.880	2.643	0.472	0.631
38.	Wanita telah dijadikan alat dalam pengiklanan	3.481	3.160	3.536	0.637	0.537
39.	Kanak-kanak hari ini ramai yang mengalami kemiskinan kasih sayang	3.629	3.880	3.643	0.831	0.443
40.	Zaman remaja merupakan saat yang paling bahagia bagi seorang wanita	3.704	3.760	3.679	0.051	0.940
41.	Berpuashati dengan kebahagiaan hidup sekarang	3.815	3.600	4.071	1.780	0.173
42.	Bercita-cita untuk berjaya lagi dalam pekerjaan	4.111	4.120	4.286	0.384	0.687

* mencapai paras keertian sekadar 0.06

Akhir sekali, mungkinkah wanita dari golongan-golongan tertentu berbeza dari segi pendapat terhadap hidup? Dalam soal ini, wanita-wanita dari kedua-dua golongan sama berpendapat bahawa zaman remaja merupakan saat yang paling bahagia dalam hidup mereka (item 40), dan sama bercita-cita untuk berjaya lagi dalam pekerjaan (item 42). Sebaliknya, pendapat-pendapat mengenai kebahagiaan hidup sekarang menunjukkan perbezaan bagi kedua-dua golongan, walaupun perbezaan itu tidak mencapai paras keertian yang ditetapkan. Wanita-wanita tradisional merasakan lebih berpuashati dengan kebahagiaan sekarang, berbanding dengan wanita-wanita dari golongan moden.

RUMUSAN-RUMUSAN

Beberapa penemuan yang menarik telah dapat dikesan, walaupun kajian ini merupakan satu penerokaan ke atas corak-hidup wanita. Meskipun demikian penemuan-penemuan ini seharusnya ditinjau sehubungan dengan batasan-batasan tertentu. Oleh kerana sampel ini tidak mewakili wanita-wanita seluruhnya, maka penyelarasan akan terbatas kepada golongan wanita-wanita yang disampelkan dari kampus Universiti Kebangsaan sahaja. Di samping itu, sampel ini tidak juga mewakili wanita-wanita dari semua keturunan di Malaysia. Justeru kerana itu, perbincangan hasil-hasil kajian dan

rumusan hanya merujuk kepada wanita-wanita keturunan Melayu sahaja.

Kalaupun sampel yang dipilih benar-benar mewakili populasinya, ketepatan data yang diperolehi akan tertaklok kepada keupayaan responden-responden memahami tujuan-tujuan soalan yang dimajukan. Berhubungan dengan itu, adalah sukar sekali bagi penyelidik kelakuan menyelaraskan pengukuran ke atas apa yang difikir, dipercayai dan ditanggap oleh seorang responden dengan apa yang sebenarnya akan dilakukan. Akhir sekali, ketepatan data-data akan kuat bergantung kepada keikhlasan dan kesediaan responden-responden menjawab semua soalan tanpa sebarang kepincangan dan keraguan.

Tertaklok kepada batasan-batasan yang disebutkan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang besar di antara golongan-golongan wanita moden dan tradisional dari segi minat dan pendapat mereka. Meskipun wanita-wanita dalam sampel ini dapat dikelaskan dalam golongan-golongan tertentu, perbezaan yang wujud adalah pada kadarnya sahaja.

Dalam kajian ini, moden dan tradisional hanya bermakna dari sudut pengkelasan statistik sahaja. Dalam ertikata sebenar, kebanyakan wanita, sama ada moden ataupun tradisional, tidak luas berbeza antara satu sama lain. Mereka tidak pula berusaha atau bertujuan membuktikan sesuatu bagi mencerminkan perbezaan, jikapun wujud perbezaan dalam aspek-aspek corak-hidup di antara golongan. Jelasnya, walaupun dianggap sebagai mewakili golongan tradisional, seseorang wanita tidak akan merasai bahawa ia kurang lengkap dalam hidupnya. Malah wanita-wanita moden juga sering mengabadikan sesuatu yang tradisional seperti ciri-ciri hidup ketimuran, dan sifat-sifat kewanitaan yang selama ini menjadi teras kehidupan mereka.

Pergerakan Pembebasan Wanita di Dunia Barat telah melahirkan perubahan dalam kesedaran masyarakatnya, paling utama bagi golongan intelek wanita. Di kampus ini konsep tersebut mungkin hanya dijadikan asas perbincangan sahaja. Wanita-wanita masih me-

megang teguh kepada prinsip perbezaan peranan dan tugas yang harus dipikul oleh lelaki dan wanita. Kalaupun wujud kesedaran terhadap kesaksamaan peranan, ianya agak terbatas kepada lingkungan bidang kuasa keluarga dalam sesebuah rumahtangga sahaja. Pendapat bahawa seorang suami seharusnya menolong kerja-kerja rumah lebih mencerminkan harapan ideal seorang isteri dari prinsip yang mesti dipatuhi oleh seorang suami. Ringkasnya, wanita-wanita tidak mengakui wujudnya pertindihan peranan di antara jantina yang berlainan.

Dari perbincangan di atas, perbezaan yang wujud dari segi aktiviti, minat, dan pendapat di antara golongan-golongan moden dan tradisional harus diteliti dalam konteks yang sama. Wanita-wanita moden dan tradisional tidak mengecilkan tugas-tugas rumahtangga. Mereka sekadar menyuarkan keinginan untuk melepaskan diri dari desakan kebosanan tugas-tugas itu. Wanita-wanita, kalaupun boleh dianggap moden, bukannya satu elita tersendiri yang menyimpang jauh dari landasan asasnya.

IMPLIKASI PENYELIDIKAN

Supaya dapat meluaskan penyeluruhan, kajian lanjutan mengenai corak-hidup wanita seharusnya menumpukan aspek-aspek keturunan responden. Dengan hanya memilih wanita-wanita dari satu keturunan sahaja, penyeluruhan agak terbatas, dan perbezaan di antara aspek-aspek corak-hidup tidak mungkin dapat dikesan dengan baik. Maka dari itu, penyelidikan seterusnya harus memilih wanita-wanita dari semua kaum di Malaysia supaya dapat meneliti segala perbezaan corak-hidup, terutamanya dari segi ciri-ciri yang bercorak tradisional dan moden.

Secara keseluruhan perbezaan yang luas tidak dapat dikesan di antara golongan tradisional dan moden. Kegagalan ini mungkin berkaitan dengan pembentukan konsep-konsep yang berhubung dengan aktiviti, minat, dan pendapat. Konsep-konsep yang telah digunakan dalam kajian ini lebih mencerminkan aspek-aspek asas aktiviti, minat, dan pendapat wanita tanpa menyentuh aspek-aspek corak-hidup yang benar-benar dapat membezakan di antara go-

longan. Justeru kerana itu, adalah penting sekali bagi usaha-usaha penyelidikan corak hidup wanita menghalusi konsep-konsep yang akan digunakan supaya konsep-konsep tersebut dapat juga menggambarkan aspek-aspek corak-hidup golongan minoriti wanita.

Di samping itu sesuatu sampel yang dipilih seharusnya juga mewakili wanita-wanita dari segenap lapisan masyarakat. Sampel yang baik seharusnya mengandungi wanita-wanita dari berbagai lapangan pekerjaan atau profesyen, dan suri-suri rumahtangga (yang tidak mempunyai pekerjaan), kedua-duanya dari kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.